

**KONVENSYEN HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN  
JAKIM-UNITEN 2019**

**“MELONJAK PARADIGMA HUFFAZ PROFESIONAL”**

**SISTEM HAFAZAN AL-QURAN TURKI, UTHMANI**

**Disediakan Oleh:**

**MUHAMMAD ANAS BIN AMAN**

**Mudir Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah**

**Cawangan Banting, Selangor**

**Tarikh:**

**21 Oktober 2019**

**MAAHAD TAHFIZ SULAIMANIYYAH**

**<https://www.mtsmalaysia.org>**

## **ABSTRAK**

Al-Quran yang merupakan mukjizat paling agung dikurniakan oleh Allah SWT kepada penghulu segala nabi iaitu Nabi Muhammad SAW menjadi bacaan wajib untuk semua yang beragama Islam dan dihafal oleh jutaan manusia semenjak zaman para sahabat lagi. Pelbagai teknik telah dicipta, dikongsi dan diperbaiki bagi membolehkan lebih ramai umat Islam menghafal al-Quran. Teknik yang dicipta dan digunakan oleh MTS bukan sahaja membantu pelajar menghafal dengan baik bahkan ianya juga mampu membantu memantapkan dan menjaga hafalan para huffaz. Teknik menghafal kaedah Uthmani merupakan satu teknik menyeluruh yang digunakan di semua cawangan MTS.

KONVENSYEN HUFFAZ JAKIM-UNITEN 2019

## 1. LATARBELAKANG

Al-Quran merupakan satu kitab yang agung dan merupakan mukjizat terbesar bagi rasul kita iaitu Nabi Muhammad S.A.W. Penunjuk jalan bagi mereka yang tersesat, cahaya bagi kegelapan, panduan bagi kehidupan, penawar bagi penyakit penenang bagi setiap keresahan dan kecelaruan.

Mukjizat yang besar ini sudah dibaca, dihafaz dan diamalkan sejak zaman para sahabat sehinggalah ke hari ini. Begitu banyak sistem yang telah dicipta bagi menghafal kitab suci Al-Quran ini dan diantaranya adalah sistem yang dicipta oleh Kerajaan Uthmaniyyah, Turki. Disebabkan peperangan yang sering berlaku pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah, kerajaan mengalami krisis kekurangan askar yang dengan ini menyebabkan para penuntut ilmu pada waktu itu terpaksa turut serta di dalam peperangan sehingga ramai diantara mereka yang mati syahid dan ada diantara mereka yang terpaksa menuntut ilmu di medan peperangan tanpa kemudahan dan fasiliti yang mencukupi.

Maka dari sinilah terciptanya ilham untuk membuat satu sistem hafazan yang cepat lagi berkesan serta sesuai digunakan pada waktu tersebut. Sistem yang telah dicipta oleh ulama' Kerajaan Uthmaniyyah sejak 500 tahun dahulu ini telah terbukti berkesan apabila ramai pelajar yang telah menamatkan hafazan mereka dalam masa yang sangat singkat. Malahan sistem ini juga bukan sahaja digunakan di Turki tetapi telah dipraktikkan oleh negara lain seperti Malaysia, Indonesia, Filipina dan negara-negara Afrika. Dengan ramainya manusia yang menghafaz Al-Quran, maka terhasillah generasi pemimpin yang mampu melayarkan kapal-kapalnya di darat seperti Sultan Fatih Mehmet Han Hazreteleri sedang umurnya masih di awal 20-an serta masyarakat akan mula sedar betapa pentingnya Al-Quran di dalam kehidupan mereka lantas mendidik masyarakat untuk lebih dekat kepada agama Islam dan pemilik sekalian alam iaitu Allah SWT.

## 2. SISTEM HAFAZAN AL-QURAN TURKI, UTHMANI

### 2.1. PENGENALAN

Seperti yang sedia maklum, Al-Quran terbahagi kepada 30 juzuk dan setiap juzuk terdiri dari 20 muka surat yang menjadikan jumlah keseluruhan muka surat bagi Al-Quran adalah 600 muka surat. Kaedah hafazan Turki, Uthmani ini pula adalah dengan menghafaz dari muka surat belakang setiap juzuk. Maksudnya adalah setiap pelajar akan mula menghafaz juzuk 1 m/s ke-20 (terakhir dari juzuk 1) dan untuk esoknya pula pelajar akan menghafaz juzuk 2 m/s ke- 20 (terakhir dari juzuk 2) dan untuk hari seterusnya pula pelajar akan menghafaz juzuk 3 m/s ke-20 (terakhir dari juzuk 3).






Kaedah ini akan bersambung sehinggalah pelajar itu sudah menghabiskan m/s 20 (terakhir) dari setiap juzuk. Selepas itu, pelajar tersebut akan mula semula dari juzuk 1 dan mula menghafaz m/s 19 (kedua terakhir) dari setiap juzuk menggunakan kaedah yang sama seperti yang diatas tadi. Dan untuk kali ini, ketika pelajar tersebut menghafaz m/s 19 (kedua terakhir) pelajar tersebut juga perlu mengulangi m/s 20 dari juzuk tersebut. Dan kedua-dua m/s ini (19. dan 20.) perlu ditasmi' kepada ustaz.

### 2.2. TUR

Untuk memudahkan para ustaz didalam berkomunikasi dengan pelajar dan memantau perkembangan hafazan pelajar, mereka menggunakan sistem *Tur* iaitu pusingan. *Tur* digunakan untuk mengenal pasti *level* muka surat yang sedang dihafal oleh pelajar tersebut.

Secara keseluruhannya kita mempunyai 20 *tur* (pusingan). Bagi muka surat yang ke-20 (terakhir) dari setiap juzuk dinamakan sebagai *Tur1*. Dan muka surat ke 19-(kedua terakhir) dari setiap juzuk dinamakan *Tur2*. Dan muka surat ke-18 (ketiga terakhir) dari setiap juzuk pula dinamakan sebagai *Tur3*. Dan ini bersambung sehinggalah muka surat pertama bagi setiap juzuk yang juga merupakan *Tur20*.

## Sistem Hafalan Menggunakan Pusingan

					
	Pusingan 1	Pusingan 2	Pusingan 3	Pusingan 4	Pusingan 5
Juz 1	Pelajar akan menghafal mukasurat terakhir bagi setiap Juzuk	Pelajar akan menghafal mukasurat kedua akhir bagi setiap Juzuk.	Pelajar akan menghafal mukasurat ketiga akhir bagi setiap Juzuk.	Pelajar akan menghafal mukasurat keempat akhir bagi setiap Juzuk.	Pelajar akan menghafal mukasurat kelima akhir bagi setiap Juzuk.
Juz 2					
Juz 3		Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan mukasurat terakhir bagi setiap juzuk	Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan dua mukasurat terakhir bagi setiap juzuk	Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan tiga mukasurat terakhir bagi setiap juzuk	Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan empat mukasurat terakhir bagi setiap juzuk
Juz 4					
Juz 29		Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan empat mukasurat terakhir bagi setiap juzuk	Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan tiga mukasurat terakhir bagi setiap juzuk	Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan dua mukasurat terakhir bagi setiap juzuk	Pelajar perlu tasmī' mukasurat baru dan satu mukasurat terakhir bagi setiap juzuk
Juz 30					

### 2.3. HAM DAN HAS

Muka surat yang dihafal terbahagi kepada dua kategori iaitu *Ham* dan *Has*. *Ham* bermaksud muka surat yang baru dihafal manakala *Has* pula adalah muka surat yang sudah pernah dihafal. Contohnya untuk pelajar yang sedang menghafal *Tur 2*, muka surat pada *Tur 1* adalah *Has* dan muka surat pada *Tur 2* adalah *Ham*.



### 2.4. HASLAMA

*Haslama* atau dengan nama lainnya ulangan dilakukan setiap 5*Tur*. Maksudnya adalah apabila pelajar tersebut sampai ke *Tur 5./10./15./20*, pelajar tersebut perlu melakukan ulangan tanpa ada penambahan *Ham* (m/s baru). *Haslama* untuk setiap *Tur* boleh dilakukan lebih dari sekali bergantung kepada ustaz masing-masing.

## 2.5. İMTİHAN

*İmtihan* bermaksud periksa. *İmtihan* dilakukan selepas *Haslama* tamat. Ini bermaksud pelajar akan menjalani periksa setiap 5 *Tur* menggunakan format khusus yang telah disediakan. Andaikata pelajar tersebut tidak melepasi *İmtihan*, maka pelajar tersebut perlu mengulangi *Haslama* lagi sekali. Berikut adalah contoh format tersebut:

ASYA PASIFIK DAIMİ KOMİSYONU 5/10. TUR İMTİHAN FORMU							
MINTIKA ADI	KURS ADI	TALEBE ADI			HOCASI		
HASLAMA ADEDİ VE SÜRE	GÜNDE KAÇ CÜZ VERİYOR	KURSA GİRİŞ TARİHİ			HAFIZLIĞA BAŞLAMA	BİR ÖNCEKİ TUR İMTİHAN TARİHİ	
İMTİHAN YAPMA USULÜ							
1	İMTİHAN 2 AŞAMALI OLARAK YAPILIR						
2	İMTİHANDA TALEBEDEN EN AZ YARIM SAYFA OKUMASI İSTENİR.						
3	İMTİHANI GEÇMEK İÇİN YEŞİL KISIMIN 9 YE ÜZERİNDE İŞARETLİ OLMASI GEREKMEKTEDİR.						
4	MAHRAC VE TECYİDLERE DİKKAT EDEREK OKUMASI GEREKMEKTEDİR EGER ZAYIF OLDUĞUNA KANAAT GETİRİLİRSE TEKRAR HAZIRLANMASI İSTENİR.						
SAYFA BAŞINDAN (Yarım Sayfa)				SAYFA BAŞINDAN (Yarım Sayfa)			
CÜZ	SORULAN SAYFA SAYISI	HATA SIZ TAKILMADAN OKUDU	1 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	1 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	2 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	5 SATIRDAN FAZLA OKUYAMADI	
1-5							
6-10							
11-15							
SAYFA ORTASINDAN (Yarım Sayfa)				SAYFA ORTASINDAN (Yarım Sayfa)			
CÜZ	SORULAN SAYFA SAYISI	HATA SIZ TAKILMADAN OKUDU	1 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	1 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	2 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	5 SATIRDAN FAZLA OKUYAMADI	
1-8							
9-15							
SAYFA SONUNDAN BAŞLAYIP KARŞI SAYFAYA GEÇİŞ (Yarım Sayfa)				SAYFA SONUNDAN BAŞLAYIP KARŞI SAYFAYA GEÇİŞ (Yarım Sayfa)			
CÜZ	SORULAN SAYFA SAYISI	HATA SIZ TAKILMADAN OKUDU	1 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	1 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	2 DEFA TAKILDI VE HATIRLATILMI	5 SATIRDAN FAZLA OKUYAMADI	
1-8							
9-15							
TALEBE HAKKINDA GENEL MÜLAHAZA							
TARİH					İMTİHAN EDEN		

## 2.6. MARKAH

Untuk menjaga kualiti hafazan pelajar tersebut, kita menggunakan satu buku catatan khusus yang mana ustaz perlu mengisinya setiap kali pelajar tasmi' hafazan. Dan dalam buku catatan tersebut juga terdapat kotak kosong bagi mengisi markah mengikut kualiti hafazan pada hari tersebut. Markah bermula dari 1 hingga 10. Dan berikut adalah garis panduan bagi pemberian markah tersebut:


MARKAH	STATUS HAFAZAN	NATIJAH
10	Hafazan sangat bagus, tiada salah dan sangkut ketika tasmi' hafazan, tajwid dan makhraj huruf sangat bagus	Lulus
9	Hafazan bagus, tiada salah, sangkut 1-2 kali ketika tasmi' hafazan, tajwid dan makhraj huruf bagus	Lulus
8	Hafazan memuaskan, tiada salah, sangkut lebih 2 kali ketika tasmi' hafazan, tajwid dan makhraj huruf memuaskan	lulus
7 - 6	Hafazan lemah, terdapat kesalahan dalam hafazan, tajwid dan makhraj huruf lemah	Gagal
5 - 1	Hafazan sangat lemah, terdapat kesalahan dalam hafazan, tajwid dan makhraj sangat lemah	Gagal

Dan antara tujuan sistem markah dilaksanakan adalah supaya ustaz peka terhadap prestasi hafazan pelajarannya pada juzuk tersebut dan mampu memberi peringatan awal kepada pelajarannya ketika pelajarannya itu mengulangi juzuk yang sama sekali lagi pada *Tur* seterusnya.



## 2.7. PEMANTAPAN

Pelajar yang telah menamatkan hafazannya perlu melalui program pemantapan dimana pelajar tersebut perlu mengulangi hafazannya dengan jumlah muka surat yang banyak bermula dengan satu hari satu juzuk sehingga akhirnya mampu membaca 30 juzuk dalam satu hari. Berikut adalah gambar rajah bagi program pemantapan tersebut:



## 2.8. PROGRAM HARIAN

Pembahagian waktu dibahagi kepada dua bahagian iaitu **Waktu Tasmi'** **Hafazan** dan **Waktu Menghafal**. Waktu Tasmi' Hafazan bermula dari selepas subuh sehingga waktu zuhur sementara Waktu Menghafal bermula dari selepas zuhur sehingga malam.

## 2.9. TATACARA HAFAZAN

- a) Mengutamakan kualiti dan bukan kuantiti.
- b) Ustaz tidak menyibukkan diri dengan telefon dan sebagainya ketika mendengar hafazan.
- c) Pelajar tasmi' kepada ustaz dan tidak dibenarkan tasmi' kepada pelajar.
- d) Muka surat *Ham* dibaca dengan *Tadwir* manakala *Has* dibaca dengan *Hadr*.
- e) Hafalan mesti dibaca dengan ta'lim dan tajwid yang sempurna.
- f) Muka surat perlu ditalaqqi dengan ustaz sebelum mula menghafal.
- g) Muka surat yang dihafal perlu dibaca kepada ustaz sehari sebelum tasmi'.
- h) Bacaan yang salah perlu ditanda dengan pensil dan bukan dengan pen.
- i) Buku catatan perlu dibawa bersama ketika berada di dalam kelas.
- j) Pelajar hanya diberi peluang 3 kali sahaja untuk tasmi' pada hari tersebut.

## 3. KESIMPULAN

Sistem Hafazan Al-Quran Turki, Uthmani merupakan sistem hafazan berkesan dan kukuh serta cepat dan sesuai untuk para pelajar. Sistem ini mempunyai sejarah melebihi 500 tahun hasil ciptaan ulama' Turki pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah. Penggunaan sistem diharapkan mampu menghasilkan generasi pemimpin yang berwibawa dan berintegriti serta mematuhi perintah Allah SWT.

## 4. Rujukan

Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah, <https://www.mtsmalaysia.org>